

→ ALAM SEKITAR

Perdana Menteri tinjau Projek River of Life

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meluangkan masa kira-kira 30 minit di pekarangan Masjid Jamek dan sekitar Sungai Klang di sini, bagi meninjau pembangunan projek River of Life salah satu daripada pelaksanaan sembilan Projek Permulaan Greater Kuala Lumpur.

Beliau disambut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mhd Amin Nordin Abdul Aziz serta Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Idris Jala.

Pelaksanaan projek River of Life melibatkan tiga komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan dan pembangunan tanah yang dijalankan secara berperingkat. Projek bermula 2014 dijangka siap pada 2019.



Najib melawat tapak River of Life Masjid Jamek, semalam.